

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	30 JANUARY 2017

Kenapa tiada siasatan?
BANK Negara terpaksa...
Utusan
Saya silap — Gabenor
Kewangan negara
tidak terjejas — PM

US\$10B BOMBSHELL
A FORMER assistant governor of Bank Negara...
US\$10B BOMBSHELL

Kerajaan pandang serius
KERAJAAN memandang serius...
Kerajaan memandang serius...
Kerajaan memandang serius...

SPRM wajar siasat
OH SITI AINIZA dan MOHA...
MARA...
SPRM wajar siasat...
SPRM wajar siasat...

Petikan Dr. Mahathir
DALAM UMNO sudah ada lima...
presiden, (tapi) dalam DAP baru ada...
satu saja setiausaha agung. Belum...
pun ada seorang yang boleh jadi...
setiausaha. Ini tetap sampai mati...
Bila mati sudah sedia anak...
Anak akan mengambil alih...
Ini bukan sistem demokrasi...
Ini sistem feodal... iaitu...
dinasti Lim. Dinasti Lim...
mestilah dikekalkan...
Tahniahlah.”

TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD
membidas DAP kerana menuduh kononnya...
UMNO tidak demokratik ketika...
pembentangan Rancangan Malaysia...
Ketujuh di Dewan Rakyat, 6 Mei 1996.

Dr. M mungkin tahu punca BNM rugi besar

UM-30/1/2017

Oleh SITI AINIZA KAMSARI
pengarang@utusan.com.my
KUALA LUMPUR 29 JAN.

TUN Dr. Mahathir Mohamad mungkin tahu punca yang menyebabkan Bank Negara Malaysia (BNM) mengalami kerugian sebanyak AS\$10 bilion melalui kegiatan perdagangan mata wang sepanjang 1991 hingga 1993 kerana beliau adalah ketua kerajaan pada waktu itu.

Setiausaha Veteran UMNO, **Datuk Mustapha Yaakub** berkata, jika kerugian itu berlaku, sudah pasti BNM akan kemukakan laporan kepada beliau selaku Perdana Menteri, selain kepada Menteri Kewangan kerana bank pusat tersebut adalah sebuah institusi kerajaan.

“Ini bermakna urusan niaga perdagangan mata wang berkenaan dalam pengetahuan kedua-dua mereka,” katanya kepada *Utusan*



MUSTAPHA YAAKUB RAHMAD ISAHAK

Malaysia di sini hari ini.

Kelmarin, bekas Penolong Gabenor BNM, Datuk Abdul Murad Khalid mendedahkan, BNM mencatatkan kerugian RM44 bilion melalui kegiatan perdagangan mata wang sepanjang tahun 1991 sehingga 1993, jauh lebih besar daripada jumlah yang dilaporkan ketika itu.

Mustapha menambah, Veteran UMNO turut menggesa kerajaan membuka semula siasatan bagi memastikan pihak yang bertanggungjawab

menyebabkan kerugian BNM itu menerima hukuman setimpal.

Beliau memberitahu, tindakan itu tiada kaitan dengan membalas dendam, sebaliknya bagi memastikan kebenaran dapat ditegakkan.

Sementara itu, bekas Setiausaha Agung UMNO, **Tan Sri Sabbaruddin Chik** berkata, walaupun kerugian tersebut berlaku lebih 20 tahun lalu, ia masih boleh disiasat bagi membolehkan rakyat mengetahui kebenaran mengenai kes tersebut.

“Sewajarnya, kita tidak perlu menuding jari atau menuduh sesiapa, kerana ia melibatkan pelbagai institusi dan ramai individu namun kita berhak untuk mengetahui dalang sebenar dalam kes ini,” jelasnya.

Menurut beliau, siasatan itu juga akan membongkar punca sebenar di sebaliknya kerugian tersebut serta jika ada pihak yang mengaut keuntungan peribadi melalui transaksi berkenaan.

Sementara itu, Naib Presiden Parti Alternatif Rakyat (PAR), **Rahmad Isahak** berkata, Dr. Mahathir perlu memberikan penjelasan berhubung kerugian perdagangan mata wang itu tanpa menyembunyikan sebarang fakta.

Katanya, kenyataan kononnya kerugian berbilion ringgit itu tidak menjejaskan ekonomi negara ketika itu, tidak boleh diterima.

“Sepatutnya satu badan siasatan ditubuhkan bagi meniasat kerugian itu, namun perkara tersebut tidak berlaku dan kerugian besar itu dibiarkan seolah-olah tidak melanggar mana-mana perundangan negara,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.